

D785

U B572 BAH

MAHATHIR - PAS

KUALA TERENGGANU, 5 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HAIRAN AKAN SIKAP SESETENGAH PEMIMPIN PAS YANG MENGANGGAP WANG YANG DIBELANJAKAN OLEH KERAJAAN UNTUK KEPENTINGAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT SEBAGAI HARAM.

+ANEHNYA, WANG ITU TIBA-TIBA MENJADI HALAL APABILA MASUK KE DALAM TEMBOLOK MEREKA SENDIRI, + KATA PERDANA MENTERI SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 2,000 ORANG PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI STADIUM NEGERI, DI SINI PETANG SEMALAM.

BELIAU BERKATA, SATU CONTOH PALING KETARA YANG MENUNJUKKAN KEPALSUAN SIKAP PARA PEMIMPIN PAS ITU IALAH MENGENAI BAYARAN GAJI ATAU PENCEN YANG DITERIMA OLEH MEREKA SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

KATANYA, KETUA PEMUDA PAS PUSAT HAJI MUSTAFFA ALI KINI HIDUP SENANG LENANG KERANA MENERIMA BAYARAN PENCEN SEBAGAI TIMBALAN MENTERI YANG DISANDANGNYA SEMASA PAS MENGANGGOTAI KERAJAAN BN SEBELUM KELUAR DARIPADA GAGASAN ITU PADA 1977.

+SAYA HAIRAN, KENAPAKAH SEBELUM MENGANGGOTAI BN, PAS MENGANGGAP WANG KERAJAAN SEBAGAI HARAM, DAN APABILA MENYERTAI BARISAN IA HALAL, TETAPI APABILA KELUAR DARIPADA BARISAN, WANG KERAJAAN TIBA-TIBA MENJADI HARAM SEMULA. -- LAGI.
1633MST 05 04 86

U B573 BAH

MAHATHIR - PAS 2 KUALA TERENGGANU

YANG LEBIH ANEHNYA, SETELAH KELUAR DARIPADA BARISAN, PARA PEMIMPIN PAS ITU TERUS JUGA MENERIMA DUIT PENCEN YANG MEREKA TUDUH SEBAGAI HARAM ITU, + TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

NAMPAKNYA, KATA BELIAU, BAGI PAS WANG KERAJAAN ITU HARAM KALAU IA DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN KEBAJIKAN RAKYAT TETAPI HALAL JIKA DIBERIKAN KEPADA PEMIMPINNYA.

PERDANA MENTERI SEKALI LAGI MEMBANGKITKAN ISU MEMALI DAN BERTANYA APAKAH ANDAIAN YANG BOLEH DIBUAT JIKA SESEORANG YANG MATI ITU DIKEBUMIKAN TANPA DIMANDIKAN ATAU DIKAFANKAN.

KATANYA, ORANG-ORANG PAS MENGANGGAP IBRAHIM LIBYA DAN 13 ORANG PENGIKUTNYA YANG TERBUNUH DALAM PERISTIWA MEMALI SEBAGAI SYAHID SEDANGKAN PARA ULAMA TELAH MENGELUARKAN FATWA BAHAWA MEREKA SEBENARNYA TIDAK SYAHID.

-- LAGI.

1636MST 05 04 86

D788

U B574 BAH

MAHATHIR - PAS 3 KUALA TERENGGANU

MENGENAI AMANAT HAJI HADI, PERDANA MENTERI BERKATA, IA SATU AJARAN YANG SALAH DAN TIDAK WAJAR DITURUTI OLEH UMAT ISLAM.

KATANYA, HAJI HADI MUNGKIN MERUPAKAN SEORANG YANG TAHU MENGENAI AGAMA TETAPI ITU TIDAK BERMAKNA BELIAU SEORANG YANG BAIK, KALAU DIA MENYALAHGUNAKAN AGAMA.

+DALAM HAL INI, NASIHAT ATAU AJARAN ORANG YANG JAHAT SEKALI PUN PERLU KITA IKUTI JIKA IA UNTUK KEBAIKAN, MANAKALA AJARAN ATAU NASIHAT ORANG YANG BAIK PERLU DITENTANG JIKA IA MERUPAKAN AJARAN UNTUK KEJAHATAN ATAU KEBURUKAN, + TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI YANG DALAM RANGKA LAWATAN TIGA HARI KE NEGERI INI BERSAMA-SAMA ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI AKAN BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI.

SEMASA DI SINI, BELIAU MELETAKKAN BATU ASAS PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH DI GONG BADAK DAN MERASMIKAN PELABUHAN PERIKANAN CENDERING, SERTA BERTEMU DENGAN PARA PEMIMPIN BARISAN NASIONAL DAN KETUA-KETUA MASYARAKAT. -- BERNAMA
1638MST 05 04 86